

# Akujanji: Jangan tentang cadangan SPR

UM 13 FEB 2003

KUALA, LUMPUR 12 Feb. — Parti-parti politik tidak sepatutnya menentang cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memperkenalkan peraturan supaya setiap calon yang melanggar akujanji pilihan raya, hilang kelayakan untuk bertanding.

Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, sebaliknya cadangan tegas itu dilihat mampu membendung unsur-unsur yang boleh mencetuskan keganasan semasa berkempen.

Katanya, banyak kejadian ganas sehingga kepada pembunuhan berlaku di beberapa negara semasa pilihan raya.

“Ini disebabkan tiada langkah pencegahan awal dilakukan sehinggalah akhirnya berlaku pembunuhan.

“Jadi kita tidak nampak kesan tidak baik cadangan itu kerana

kita mahukan pilihan raya berlangsung dalam suasana aman tanpa kejadian ganas berlaku,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi SPR, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman yang disiarkan *Utusan Malaysia* semalam mengenai calon yang akan hilang kelayakan bertanding sekiranya melanggar akujanji iaitu melakukan amalan politik tidak sihat termasuk kempen-kempen ganas semasa pilihan raya.

Cadangan itu akan dimasukkan dalam pindaan Akta Pilihan Raya 1954 melalui Rang Undang-Undang Kesalahan Pilihan Raya pada Mac depan.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, BN tidak menghadapi masalah untuk mematuhi melaksanakan akujanji itu.

Mohamed percaya, parti-parti komponen BN tidak mempunyai masalah sekiranya SPR melaksanakan cadangan itu.

Katanya, BN sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang membawa kebaikan kepada semua pihak.

Bagaimanapun, katanya, parti-parti pembangkang mungkin akan menentang cadangan itu yang boleh menghalang niat mereka mencetuskan keganasan untuk menang pada pilihan raya.

Beliau memberi contoh tindakan parti pembangkang yang mencetuskan keganasan dengan menakutkan pengundi pada beberapa pilihan raya kecil sebelum ini bagi menghalang mereka keluar membuang undi.

“Tetapi tidak semestinya tindakan mencetuskan keganasan boleh membawa kemenangan dalam pilihan raya,” katanya.

Ketika ditanya adakah BN akan mengemukakan cadangan balas terhadap SPR berhubung perkara itu, Mohamed berkata, BN sedia menerima segala cadangan yang baik.

“Tetapi jangan sehingga menyekat demokrasi. Bagaimanapun selagi ada jaminan yang dapat membendung keganasan, saya fikir kita boleh terima,” katanya.

Sementara itu Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock tidak bersetuju dengan perkataan akujanji yang dicadangkan SPR itu.

Beliau sebaliknya meminta SPR melaksanakan satu kod etika yang perlu dipatuhi oleh semua calon yang bertanding.

Beliau juga meminta SPR memanggil semua parti politik dan membincangkan cadangan melaksanakan peraturan baru itu.